



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 54 BIL 24/2022

PORTAL RUMAH SEWA SISWA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi.

Mana-mana pelajar yang sedang mencari informasi mengenai rumah sewa di sekitar Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kampus Gambang atau Kampus Pekan boleh mendapatkan maklumat rumah sewa dengan melayari Portal Rumah Siswa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui capaian <https://rumahsiswa.mohe.gov.my> > mula > nama dan email rasmi universiti atau boleh melayari tutorial rumah sewa MOHE untuk maklumat lanjut.

Melalui portal ini, pelajar boleh mendapatkan maklumat dan menguruskan rumah sewa secara telus tanpa sebarang penipuan dan penganiayaan apabila berurusan dengan tuan rumah. Oleh demikian itu, pelajar dapat membuat perancangan awal dan pengurusan mencari rumah sewa dengan lebih mudah dan teratur.

Ini adalah bagi mengelakkan penipuan dalam urusan sewa rumah. Para pelajar dinasihatkan untuk memahami 5 perkara ini:

1. Pastikan rumah itu wujud & sama seperti diiklankan
2. Lihat sendiri,periksa rumah & kawasan kejuranan
3. Tetapkan kadar sewaan bulanan
4. Ada dokumen perjanjian sewaan
5. Bayaran sewaan melalui pindahan akaun


Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Bahagian Perumahan atau email kepada residen@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MUHAMAD FAISAL BIN MOHD YASSIN

Pengarah

Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 19hb Sept 2022